



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## WAKAF DIGITAL DI MALAYSIA: ANALISIS PERUNDANGAN DAN CABARAN SEMASA

### *DIGITAL WAQF IN MALAYSIA: LEGAL ANALYSIS AND CURRENT CHALLENGES*

Nurul Mazrah Manshor<sup>1\*</sup>, Rohayati Hussin<sup>2</sup>, Nur Irinah Mohamad Sirat<sup>3</sup>, Siti Khadijah Abdullah Sanek<sup>4</sup>

- <sup>1</sup> Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA, Malaysia  
Email: mazrah@uitm.edu.my
- <sup>2</sup> Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA, Malaysia  
Email: roha427@uitm.edu.my
- <sup>3</sup> Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA, Malaysia  
Email: irinah@uitm.edu.my
- <sup>4</sup> Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA, Malaysia  
Email: khadijah016@uitm.edu.my
- \* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

##### To cite this document:

Manshor, N. M., Hussin, R., Sirat, N. I., Sanek, S. K. A. (2024). Wakaf Digital Di Malaysia: Analisis Perundangan Dan Cabaran Semasa. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (36), 99-111.

DOI: 10.35631/IJLGC.936008

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Wakaf digital adalah salah satu cara untuk mendermakan wang bagi tujuan beribadah melalui platform internet berdasarkan konsep wakaf di dalam Islam yang bermaksud mewakafkan harta atau aset kerana Allah. Wakaf digital mempunyai banyak potensi untuk pembangunan masyarakat Islam, tetapi tidak terlepas daripada menghadapi beberapa isu dan cabaran undang-undang di Malaysia. Kajian ini mengkaji status undang-undang wakaf digital di Malaysia dan mengenal pasti isu dan cabaran semasa yang timbul dari ketidakseragaman undang-undang wakaf mengikut negeri, ketidakpastian status undang-undang wakaf, ketidakpastian status hukum wakaf digital, ketiadaan pengesahan wakaf digital yang mencukupi dan ketidakcekapan pentadbiran dan pengurusan wakaf dan wakaf digital. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah kajian literatur untuk pengumpulan data. Data yang diperolehi dari dokumen-dokumen seperti jurnal, buku, data atas talian tentang wakaf digital di Malaysia dianalisis menggunakan analisis kandungan, analisis induktif, dan analisis deduktif. Kajian ini mendapati bahawa isu dan cabaran ini menghalang potensi dan kesan wakaf digital dan memerlukan penyelesaian segera dan berkesan untuk memperbaiki situasi. Kajian ini mencadangkan beberapa penyelesaian, seperti menyelaraskan undang-undang wakaf mengikut negeri, menjelaskan status hukum wakaf digital, memperbaiki pengesahan wakaf

digital, meningkatkan pentadbiran dan pengurusan wakaf digital, menggunakan platform *crowdfunding* untuk mengumpul dana wakaf digital, menggunakan aplikasi mudah alih untuk memudahkan wakaf digital dan menggunakan sistem *blockchain* untuk meningkatkan keselamatan dan ketelusan wakaf digital. Kajian ini menyimpulkan bahawa perlunya tindakan segera untuk merangka dasar dan undang-undang yang mampan bagi mengatasi cabaran yang dihadapi dan mampu untuk meningkatkan tadbir urus dan pengurusan wakaf digital yang efisien.

**Kata Kunci:**

Wakaf, Wakaf Digital, Undang-Undang, Cabaran, Pengurusan

**Abstract:**

Digital waqf is one way to donate money for worship purposes via internet platforms based on the concept of waqf in Islam, which means dedicating property or assets to Allah. Digital waqf has a lot of potential for developing the Muslim community, but it is not without facing some legal issues and challenges in Malaysia. This study examines the legal status of digital waqf in Malaysia. It identifies current issues and challenges arising from the non-uniformity of waqf laws across the states, the uncertainty of the legal status of waqf, the ambiguity of the legal status of digital waqf, the absence of adequate verification of digital waqf, and the inefficiency in the administration and management of both waqf and digital waqf. This study uses qualitative methods with literature review methods for the data collection. Data from various sources, including journals, books, and online data related to the digital waqf in Malaysia, were analysed using content, inductive, and deductive analysis. This study found that the issues and challenges hinder the potential and impact of digital waqf and immediate and effective solutions are required to improve the situation. The study suggests several solutions, such as harmonising waqf laws according to the states, clarifying the legal status of digital waqf, improving digital waqf authentication, enhancing the administration and management of digital waqf, using crowdfunding platforms to raise digital waqf funds, using mobile applications to facilitate digital waqf, and using blockchain systems to increase the security and transparency of digital waqf. This study concludes that immediate action is needed to formulate sustainable policies and laws to overcome the challenges and enhance digital waqf's governance and efficient management.

**Keywords:**

Waqf, Digital Waqf, Law, Challenges, Management

**Pengenalan**

Wakaf digital adalah cara untuk berwakaf secara mudah dan cepat melalui internet. Wakaf adalah amalan Islam yang bermaksud mendermakan harta atau aset untuk tujuan kebajikan, seperti pembinaan masjid, sekolah, hospital, atau projek-projek pembangunan masyarakat (Yayasan Waqaf Malaysia, 2024). Wakaf digital membolehkan pewakaf berwakaf dengan menggunakan kaedah pembayaran elektronik, seperti Pertukaran Proses Kewangan (*financial process exchange* atau FPX), kredit kad, debit kad, atau potongan gaji (Yayasan Waqaf Malaysia, 2024; Perbadanan Wakaf Selangor, 2024). Pewakaf juga boleh menyemak rekod dan penyata wakaf secara digital (Yayasan Waqaf Malaysia, 2024). Antara contoh-contoh portal wakaf digital yang boleh gunakan adalah Portal rasmi Yayasan Waqaf Malaysia. Portal rasmi

ini menawarkan pelbagai jenis wakaf, seperti wakaf tunai, wakaf tanah, wakaf korporat, dan wakaf pendidikan. Selain itu, pewakaf juga boleh menggunakan portal wakaf digital yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Portal ini membolehkan pewakaf berwakaf untuk tujuan pembinaan masjid, sekolah agama, pusat dialisis, dan lain-lain. Terdapat juga portal wakaf digital bagi negeri-negeri di Malaysia seperti di Gambarajah 1.



Gambarajah 1: Sumber Dari <https://www.jawhar.gov.my/wakaf/wakaf-online/>

## Sorotan Literatur

Perbincangan sorotan literatur dibahagikan kepada tiga tema iaitu konsep wakaf, konsep wakaf digital, perundangan berkaitan wakaf di Malaysia dan perundangan dan pengikitrafan wakaf digital di Malaysia.

### *Konsep Wakaf*

Secara asasnya, istilah “wakaf” berasal dari bahasa Arab, iaitu “al-wakaf”, yang berasal daripada kata kerja waqafa yang merujuk kepada tindakan menahan, berhenti, dan menyekat (Bakar, 2022). Dari segi istilah, wakaf merujuk kepada suatu perbuatan untuk menghentikan, mencegah, dan menahan harta milik individu dengan tujuan menyalurkan manfaatnya kepada orang awam, dengan harapan mendapat keredhaan Allah SWT (Ab Rahman, 2009). Pengertian “menahan” di sini merujuk kepada pencegahan harta wakaf daripada diwarisi, dijual, dihadiahkan, digadaikan, disewa, dipinjamkan, atau sebuah pelupusan lainnya (Al-Zuhayli 1997; Asharaf et al., 2022). Penyaluran manfaat harta wakaf merujuk kepada harta yang diberikan tanpa harapan pulangan kewangan, dengan tujuan yang dinyatakan oleh pewakaf (orang yang mewakafkan harta) (Asharaf et al., 2022). Dengan penjelasan ini, wakaf dapat dipandang sebagai suatu bentuk di mana pewakaf berusaha untuk meningkatkan amalannya dengan memberikan harta miliknya untuk digunakan oleh orang lain dengan niat meningkatkan amalan agama.

### *Konsep Wakaf Digital*

Wakaf digital adalah nama umum untuk amalan wakaf secara elektronik melalui internet (Yayasan Waqaf Malaysia, 2024). Namun, terdapat juga nama-nama lain yang digunakan

untuk merujuk kepada wakaf digital, seperti Wakaf Online dan Wakaf Elektronik. Wakaf ini menekankan penggunaan teknologi digital, seperti internet, telefon pintar, dan sistem pengurusan digital, untuk melaksanakan wakaf digital. Wakaf elektronik adalah nama yang menekankan penggunaan kaedah pembayaran elektronik, seperti FPX, kredit kad, debit kad, atau potongan gaji, untuk melaksanakan wakaf digital (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2023).

### ***Perundangan Berkaitan Wakaf Di Malaysia***

Undang-undang wakaf di Malaysia terdiri daripada undang-undang syariah dan undang-undang sivil yang berkaitan dengan wakaf. Undang-undang syariah adalah berdasarkan kepada sumber-sumber Islam, seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak, dan qiyas, serta fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Agama Islam Negeri (Pusat Wakaf dan Endowmen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2024). Undang-undang sivil adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara, Enakmen Wakaf Negeri, dan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan (JAWHAR, 2023). Wakaf adalah di bawah bidang kuasa negeri, oleh itu setiap negeri mempunyai undang-undang wakaf yang berbeza-beza mengikut keperluan dan keadaan setempat (JAWHAR, 2023). Sebagai contoh, Pahang, Terengganu, Perak, Melaka, Selangor, Negeri Sembilan, dan Sabah mempunyai Enakmen Wakaf Negeri yang tersendiri, manakala Johor mempunyai Kaedah-Kaedah Wakaf Johor. Negeri-negeri lain, seperti Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Kelantan, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan, masih menggunakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam untuk menguruskan hal ehwal wakaf (Rohayati et al., 2024).

Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah pemegang amanah tunggal wakaf, yang bertanggungjawab untuk menguruskan, mengawal, dan membangunkan harta wakaf di negeri masing-masing (JAWHAR, 2023). MAIN juga boleh melantik pihak ketiga, seperti Yayasan Wakaf Malaysia, Yayasan Wakaf Selangor, atau Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, untuk membantu dalam pentadbiran dan pengurusan wakaf (JAWHAR, 2014).

### ***Perundangan dan Pengiktirafan Wakaf Digital di Malaysia***

Undang-undang wakaf digital di Malaysia adalah undang-undang yang mengawal dan menguruskan amalan wakaf secara elektronik di negara ini. Di Malaysia, wakaf tunai dan wakaf digital adalah diiktiraf sebagai wakaf yang sah, berdasarkan kepada fatwa dari Majlis Fatwa Kebangsaan yang dikeluarkan pada tahun 2006 (Pusat Wakaf dan Endowmen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2024). Wakaf tunai dan wakaf digital adalah wakaf yang melibatkan pendermaan wang secara elektronik kepada penerima wakaf, yang kemudiannya digunakan untuk tujuan kebajikan, seperti pembinaan masjid, sekolah, hospital, atau projek-projek pembangunan masyarakat (Fitriani & Taufiq, 2023). Wakaf tunai dan wakaf digital memerlukan pengesahan wakaf yang jelas dan sah daripada pewakaf, penerima wakaf, dan pihak berkuasa agama (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2024).

Malaysia mempunyai peraturan khusus untuk kutipan wang secara digital. Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Mata Wang Elektronik (*e-Money*) yang perlu dipatuhi oleh semua pengeluar *e-Money* di Malaysia. Pengeluar *e-Money* perlu mendapatkan kelulusan dari Bank Negara Malaysia untuk mematuhi peruntukan Seksyen 25 (1) Akta Sistem Pembayaran 2003. Antara undang-undang yang mengawalselia kutipan wang secara digital di Malaysia adalah:

*i) Rang Undang-Undang (RUU) Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024*

Dewan Rakyat telah meluluskan RUU ini yang bertujuan untuk mengukuhkan rangka kerja undang-undang sedia ada. Ini termasuk memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan dalam membanteras perniagaan perkhidmatan wang tidak berlesen dan ketidakpatuhan undang-undang oleh pemegang lesen (Bernama, 2024).

*ii) Akta Tandatangan Digital 1997*

Akta ini mengawalselia penggunaan tandatangan digital di Malaysia, menjamin keselamatan transaksi elektronik, dan mengesahkan penggunaan tandatangan digital melalui sijil perakuan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pemerakuan (PBP) berlesen (Malaysian Communications and Multimedia Commission, 2024).

*iii) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010*

Akta ini mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersil dan melindungi kepentingan subjek data. Ia memastikan bahawa data peribadi individu dilindungi semasa transaksi digital (Bernama, 2024).

*iv) Dasar dan Garis Panduan ICT Sektor Awam*

Dasar dan Garis Panduan ini mengandungi arahan, peraturan, dan panduan yang mesti dibaca dan dipatuhi oleh agensi Kerajaan dalam melaksanakan pembangunan perkhidmatan ICT Kerajaan. Agensi Kerajaan bertanggungjawab mematuhi akta, dasar, dan peraturan yang ditetapkan bagi menjamin kerahsiaan, integriti, dan kebolehsediaan urusan maklumat Kerajaan melalui penggunaan teknologi digital (Bernama, 2024).

Undang-undang ini membentuk asas yang kukuh untuk pengurusan kutipan wang secara digital di Malaysia, memastikan keselamatan, kepatuhan, dan perlindungan bagi pengguna dan penyedia perkhidmatan.

## **Permasalahan Kajian**

Wakaf digital adalah amalan berwakaf secara elektronik melalui internet, yang membolehkan pewakaf mendermakan wang kepada tujuan kebajikan, berdasarkan konsep wakaf dalam Islam. Wakaf digital mempunyai potensi yang besar untuk meningkatkan kesejahteraan dan pembangunan ummah, tetapi juga menghadapi beberapa isu dan cabaran, seperti ketidakseragaman undang-undang wakaf mengikut negeri, ketidakpastian status hukum wakaf di bawah undang-undang sivil, ketidakcukupan pengesahan wakaf menggunakan dokumentasi dan teknologi yang sesuai, dan ketidakcekapan pentadbiran dan pengurusan wakaf kerana kekurangan sumber, kepakaran, kemudahan, dan teknologi. Isu-isu dan cabaran ini menghalang potensi perkembangan wakaf digital. Oleh itu, ia memerlukan penyelesaian yang tepat dan berkesan untuk memperbaiki keadaan ini.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan meneroka sorotan literatur melalui sumber kepustakaan yang melibatkan buku, jurnal, dan dapatan kajian terdahulu yang terfokus pada konteks wakaf digital. Pengumpulan data melalui sumber kepustakaan merupakan kaedah pengumpulan data yang melibatkan pembacaan, penilaian, dan sintesis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan topik kajian (Muhammad Ainul Hakim et al., 2020). Kajian kepustakaan adalah penting untuk mendapatkan maklumat-maklumat awal, latar belakang, dan sokongan teori untuk kajian. Untuk mendapatkan sumber utama, pengkaji juga membuat carian secara komprehensif melalui Google Scholar, Scopus, ISI Web of Knowledge, dan kajian tempatan



terutamanya yang berkaitan dengan tema wakaf. Elemen-elemen seperti isu dan cabaran, kepentingan dan kelebihan wakaf digital diberi penekanan sebagai komponen utama dalam kajian ini. Data yang diperoleh daripada sumber-sumber tersebut dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengenalpasti dan menganalisis relevansi undang-undang wakaf digital dalam menangani isu dan cabaran berkaitan dengan wakaf digital.

### **Isu-isu Perundangan Wakaf dan Wakaf Digital**

Pelaksanaan wakaf digital diakui memudahkan pewakaf untuk berwakaf. Pelaksanaan wakaf digital memungkinkan pewakaf untuk melakukan wakaf secara mudah melalui aplikasi digital, yang memungkinkan mereka untuk memilih jenis harta yang akan diwakafkan dan mengisi maklumat yang sudah disediakan oleh institusi wakaf (Mudyadji, 2022; Irwansyah, 2022). Namun, terdapat juga isu-isu perundangan yang wujud. Antara isu-isu yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

#### ***Ketidakseragaman Undang-Undang Wakaf Mengikut Negeri***

Di Malaysia, wakaf tergolong di bawah Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan 1957, bermakna setiap negeri mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan dan menguatkuasakan undang-undang wakafnya sendiri (Mahmood et al., 2017; Mohamad et al., 2012). Namun, ini juga mengakibatkan masalah ketidakseragaman dan perbezaan di antara negeri-negeri dalam pengertian, klasifikasi, pendaftaran, pentadbiran, dan pembangunan wakaf (Mohamad et al., 2012). Sebagai contoh, beberapa negeri mempunyai undang-undang wakaf khusus, seperti Selangor, manakala yang lain bergantung kepada undang-undang Am Pentadbiran Undang-Undang Islam (Solanki, 2017). Beberapa negeri mengiktiraf wakaf tunai dan wakaf digital sebagai bentuk wakaf yang sah, manakala yang lain tidak (Abdul Manaf et al., 2019). Ketiadaan seragamnya undang-undang wakaf ini mewujudkan kekeliruan, konflik, dan kompleksiti bagi pihak berkepentingan wakaf, seperti penderma, penerima manfaat, pihak berkuasa, dan pembangun (Mohamad et al., 2012). Ini juga menyebabkan ketidakseragaman dalam pengurusan, pentadbiran, dan pelaporan wakaf digital di antara negeri-negeri dan menimbulkan masalah dalam hal perundangan, perakaunan, dan pengauditan wakaf digital (Ghani et al., 2017).

#### ***Ketidakpastian Status Undang-Undang Wakaf***

Mengikut undang-undang syariah, harta wakaf adalah aset yang telah didedikasikan secara kekal untuk tujuan amal dan tidak boleh dijual, dipindahkan, atau diwarisi (Laluddin et al., 2021). Wakaf juga tertakluk kepada undang-undang sivil atau Kanun Tanah Negara 1965, yang mengawal pemilikan, pemindahan, dan penggunaan tanah di Malaysia (Mohamad et al., 2012). Undang-undang sivil tidak sepenuhnya mengiktiraf konsep dan prinsip wakaf, dan terkadang bertentangan atau mengatasi undang-undang syariah (Mohamad et al., 2012). Sebagai contoh, undang-undang sivil membenarkan pihak berkuasa negeri untuk memperoleh, menyewa, atau meminda tanah wakaf untuk tujuan awam, yang melanggar keperluan syariah tentang kekekalan dan ketidakbolehan pemindaan harta wakaf (Adil & Rani, 2014). Ketidakpastian status undang-undang wakaf ini mencipta keambiguitan, ketidakselamatan, dan kerentanan bagi harta wakaf dan penerima manfaatnya (Mohamad et al., 2012).

#### ***Ketidakpastian Status Hukum Wakaf Digital***

Wakaf digital adalah satu bentuk wakaf tunai yang membolehkan pewakaf mendermakan wang secara elektronik kepada penerima wakaf. Wakaf tunai adalah dibenarkan oleh sebahagian ulama, terutamanya Mazhab Hanafi, Maliki, dan Hanbali, tetapi ditolak oleh sebahagian ulama lain, terutamanya Mazhab Syafie (Ghani et al., 2017). Oleh itu, terdapat perbezaan pendapat

mengenai status hukum wakaf digital di kalangan ulama dan fuqaha. Ini menimbulkan keraguan dan kekeliruan di kalangan pewakaf dan penerima wakaf (Wahid & Noor, 2018).

### ***Ketiadaan Pengesahan Wakaf Digital Yang Mencukupi***

Pengesahan wakaf adalah proses mengesahkan dan menyahkan harta wakaf serta transaksinya, seperti pernyataan, sumbangan, penerimaan, dan penggunaan wakaf (Ali & Markom, 2020). Pengesahan wakaf penting untuk memastikan kelegitan, keaslian, dan tanggungjawab wakaf, serta untuk mencegah penipuan, penyalahgunaan, atau penyelewengan wakaf (Ali & Markom, 2020). Walau bagaimanapun, pengesahan wakaf di Malaysia tidak mencukupi, disebabkan oleh kurangnya dokumen yang betul, piawaian, dan teknologi (Mohamad et al., 2012). Sebagai contoh, beberapa harta wakaf tidak mempunyai dokumen yang jelas atau sah untuk membuktikan status wakaf mereka, seperti surat wakaf, sijil wakaf, atau tajuk wakaf (Abas & Raji, 2018). Beberapa harta wakaf tidak mempunyai kaedah yang konsisten atau seragam untuk mengesahkan transaksi wakaf mereka, seperti penggunaan pengesahan digital, sijil elektronik, atau teknologi rangka blok (Ismail et al., 2015). Ketidadaan pengesahan wakaf ini mencipta keraguan, ketidakpercayaan, dan ketidakpuasan di kalangan pihak berkepentingan wakaf, terutamanya penderma dan penerima manfaat (Mohamad et al., 2012).

Wakaf digital pula memerlukan pengesahan wakaf yang sah dan jelas daripada pewakaf, penerima wakaf, dan pihak berkuasa agama. Pengesahan wakaf digital boleh dilakukan melalui akad wakaf, sijil wakaf, atau bukti transaksi yang mengandungi syarat-syarat wakaf (Wahid & Noor, 2018). Namun, terdapat cabaran untuk memastikan bahawa pengesahan wakaf digital adalah sah, jelas, dan tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini menimbulkan masalah dalam hal kesahihan, keabsahan, dan kebolehpercayaan wakaf digital (Varniené-Janssen & Kupriene, 2018).

### ***Ketidakcekapan Pentadbiran Dan Pengurusan Wakaf Dan Wakaf Digital***

Pentadbiran dan pengurusan wakaf adalah proses mengawasi, mengawal, dan membangunkan harta wakaf serta faedahnya, seperti pengumpulan, pengagihan, dan pelaburan wakaf (Mat Rani & Abdul Aziz, 2010). Pentadbiran dan pengurusan wakaf penting untuk memastikan kelestarian, produktiviti, dan keuntungan wakaf, serta untuk meningkatkan kesejahteraan dan pembangunan komuniti Islam (Mat Rani & Abdul Aziz, 2010). Walau bagaimanapun, pentadbiran dan pengurusan wakaf di Malaysia tidak cekap dan tidak efektif, disebabkan oleh kurangnya sumber, kepakaran, kemudahan, dan teknologi (Mohamad et al., 2012). Sebagai contoh, beberapa harta wakaf tidak mempunyai dana, tenaga kerja, peralatan, atau kemahiran yang mencukupi untuk mengurus dan membangunkan aset wakaf mereka, seperti penyelenggaraan, renovasi, atau pembinaan bangunan wakaf (Abas & Raji, 2018). Beberapa harta wakaf tidak mempunyai sistem yang telus atau bertanggungjawab untuk melaporkan dan memantau prestasi wakaf mereka, seperti penggunaan pelaporan digital, penyata kewangan, atau audit. Ketidakcekapan pentadbiran dan pengurusan wakaf ini mencipta pembaziran, kerugian, dan ketidakgunaan wakaf, serta mengehadkan potensi dan impak wakaf (Mohamad et al., 2012).

Wakaf digital pula memerlukan pentadbiran dan pengurusan yang cekap, telus, dan amanah daripada pihak yang mengendalikan wakaf digital. Pihak yang mengendalikan wakaf digital perlu mematuhi undang-undang sivil dan syariah yang berkaitan dengan wakaf, serta memastikan bahawa harta wakaf digunakan untuk tujuan yang ditetapkan oleh pewakaf (Wahid & Noor, 2018). Selain itu, pihak yang mengendalikan wakaf digital perlu menyediakan laporan kewangan dan prestasi wakaf secara berkala kepada pewakaf, penerima wakaf, dan pihak

berkuasa agama (Ghani et al., 2017). Namun, terdapat cabaran untuk melaksanakan pentadbiran dan pengurusan wakaf digital yang berkesan, seperti kekurangan modal, tenaga kerja, kemudahan, kepakaran, dan teknologi (Mahmood et al., 2017). Selain itu, pihak yang mengendalikan wakaf digital perlu menyediakan laporan kewangan dan prestasi wakaf secara berkala kepada pewakaf, penerima wakaf, dan pihak berkuasa agama (Yusoff, et al, 2021).

Secara konklusinya, isu-isu perundangan wakaf dan wakaf digital ini memerlukan penyelesaian yang holistik dan komprehensif, yang melibatkan kerjasama antara ulama, fuqaha, ahli undang-undang, ahli perakaunan, ahli teknologi, dan pihak-pihak yang berkepentingan. Dengan demikian, wakaf dan wakaf digital ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya untuk kepentingan ummah dan agama.

### **Dapatan dan Perbincangan Kajian**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima isu dan cabaran utama yang berkaitan dengan wakaf digital di Malaysia antaranya ketidakseragaman undang-undang wakaf mengikut negeri, ketidakpastian status undang-undang wakaf, ketidakpastian status hukum wakaf digital, ketiadaan pengesahan wakaf digital yang mencukupi dan ketidakcekapan pentadbiran dan pengurusan wakaf dan wakaf digital.

Isu dan cabaran wakaf digital di Malaysia adalah serius dan memerlukan perhatian dan tindakan segera daripada semua pihak yang berkepentingan. Isu dan cabaran wakaf digital di Malaysia bukan sahaja menghalang potensi dan impak wakaf digital terhadap kesejahteraan dan pembangunan ummah, tetapi juga menjejaskan imej dan reputasi institusi wakaf di Malaysia. Oleh itu, penyelesaian yang dicadangkan dalam kajian ini adalah penting dan relevan untuk diaplikasikan dalam praktis wakaf digital di Malaysia.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa wakaf digital adalah amalan yang bermanfaat dan berpotensi untuk menjadi sumber pendapatan dan pembangunan yang berterusan bagi ummah. Wakaf digital membolehkan pewakaf berwakaf dengan mudah dan cepat melalui internet, serta membolehkan penerima wakaf mendapatkan manfaat yang luas dan pelbagai daripada harta wakaf. Oleh itu, kajian ini menggalakkan umat Islam untuk menyertai dan menyokong amalan wakaf digital di Malaysia.

Terdapat juga beberapa kekangan dan kelemahan, seperti keterhadan sampel kajian, ketiadaan data primer, dan ketiadaan kajian empirikal. Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa langkah untuk kajian pada masa hadapan, seperti menambahkan sampel kajian, menggunakan data primer, dan menjalankan kajian empirikal, untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih menyeluruh dan meyakinkan.

### **Cadangan Untuk Penambahbaikan Berkaitan Wakaf Digital**

Undang-undang wakaf digital di Malaysia memerlukan penyelarasan yang lebih efektif bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pelaksanaannya di seluruh negeri. Langkah ini selaras dengan fatwa oleh Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengiktiraf wakaf tunai dan wakaf digital sebagai wakaf yang sah. Dalam konteks ini, penyesuaian undang-undang wakaf mengikut keperluan dan keadaan semasa adalah sangat penting. Oleh itu, kajian ini membincangkan beberapa cadangan yang dapat dilaksanakan bagi meningkatkan kerjasama antara negeri-negeri dalam pengurusan, pentadbiran, dan pelaporan wakaf digital, sekaligus mengelakkan konflik perundangan, perakaunan, dan pengauditan yang mungkin timbul. Antara cadangan yang boleh dilaksanakan:



### ***Menyelaraskan Undang-Undang Wakaf Mengikut Negeri***

Penyelarasan ini dapat dilakukan dengan merujuk kepada fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengiktiraf wakaf tunai dan wakaf digital sebagai wakaf yang sah, serta mengambil kira keperluan dan keadaan setempat (Ghani et al., 2017). Ini dapat memudahkan pengurusan, pentadbiran, dan pelaporan wakaf digital di antara negeri-negeri, serta mengelakkan konflik perundangan, perakaunan, dan pengauditan wakaf digital.

### ***Menjelaskan Status Hukum Wakaf Digital***

Selain itu, status hukum wakaf digital perlu disebarluaskan. Ini dapat dilakukan dengan menyebarkan ilmu dan kesedaran tentang hukum syariah yang berkaitan dengan wakaf digital, serta mengambil kira pendapat ulama dan fuqaha yang berbeza-beza (Abdullah & Bahari, 2019). Diharapkan dengan status hukum yang jelas dapat meningkatkan keyakinan dan kefahaman di kalangan pewakaf dan penerima wakaf, serta mengelakkan keraguan dan kekeliruan tentang wakaf digital.

### ***Memperbaiki Pengesahan Wakaf Digital***

Penambahbaikan pengesahan wakaf digital dapat dilakukan dengan menggunakan teknologi yang canggih dan selamat, seperti sistem pengesahan digital, sijil elektronik, atau blockchain, untuk mengesahkan wakaf digital yang dibuat oleh pewakaf, penerima wakaf, dan pihak berkuasa agama. Ini dapat memastikan bahawa pengesahan wakaf digital adalah sah, jelas, dan tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, serta meningkatkan kesahihan, keabsahan, dan kebolehpercayaan wakaf digital (Mahendra, 2023).

### ***Meningkatkan Pentadbiran Dan Pengurusan Wakaf Digital***

Penambahbaikan dalam aspek berkaitan pentadbiran dan pengurusan digital dapat dilakukan dengan menyediakan modal, tenaga kerja, kemudahan, kepakaran, dan teknologi yang mencukupi dan berkualiti, untuk menguruskan, mengawal, dan membangunkan harta wakaf digital (Ghani et al., 2017). Selain itu, pihak yang mengendalikan wakaf digital perlu mematuhi undang-undang sivil dan syariah yang berkaitan dengan wakaf, serta memastikan bahawa harta wakaf digunakan untuk tujuan yang ditetapkan oleh pewakaf (Mohd Zaky, 2021). Selain itu, pihak yang mengendalikan wakaf digital perlu menyediakan laporan kewangan dan prestasi wakaf secara berkala kepada pewakaf, penerima wakaf, dan pihak berkuasa agama, dengan menggunakan sistem pelaporan digital yang telus dan amanah.

### ***Menggunakan Platform Crowdfunding Untuk Mengumpul Dana Wakaf Digital***

Pelaksanaan konsep ini boleh dilakukan dengan menggunakan penggalangan dana secara kolektif melalui internet, di mana ramai orang boleh menyumbang wang untuk tujuan wakaf tertentu (E., Sari, & Ardabelli, 2021). Ini dapat menyelesaikan masalah ketidakcukupan dana wakaf digital, serta menarik minat generasi muda untuk berwakaf. Contoh platform crowdfunding untuk wakaf digital adalah *LaunchGood*, *GlobalSadaqah*, dan *Wakaf World*.

### ***Menggunakan Aplikasi Mudah Alih Untuk Memudahkan Wakaf Digital***

Penggunaan teknologi telefon pintar membolehkan pewakaf berwakaf secara digital dengan mudah dan cepat (Wan Mohd Al Faizee et al., 2020). Ini dapat menyelesaikan masalah ketidakpraktisan wakaf digital, serta meningkatkan aksesibiliti dan kemudahan wakaf. Contoh aplikasi mudah alih untuk wakaf digital adalah Wakaf Selangor, Wakaf Johor, dan Wakaf Kedah.

## **Menggunakan Sistem Blockchain Untuk Meningkatkan Keselamatan Dan Ketelusan Wakaf Digital**

Idea penggunaan teknologi rekod digital yang terdesentralisasi dan terenkripsi dapat mengesahkan dan melindungi transaksi wakaf digital. Ini dapat menyelesaikan masalah ketidakcukupan pengesahan wakaf digital, serta meningkatkan kebolehpercayaan dan kepatuhan wakaf (Abojeib & Habib, 2021). Contoh sistem blockchain untuk wakaf digital adalah *Wakaf Chain*, *Finterra*, dan *Wakalah*.

### **Kesimpulan**

Penyelarasan undang-undang wakaf mengikut negeri adalah suatu langkah penting dalam memastikan keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan wakaf digital di Malaysia. Merujuk kepada fatwa nasional, menyebarkan pengetahuan mengenai hukum syariah berkaitan dengan wakaf digital, dan meningkatkan pengesahan serta pentadbiran wakaf adalah langkah-langkah yang dapat memastikan kesahihan, keabsahan, dan kebolehpercayaan wakaf di peringkat nasional. Penggunaan teknologi moden seperti *crowdfunding*, aplikasi mudah alih, dan sistem *blockchain* juga dapat memberikan penambahbaikan yang signifikan dalam pengumpulan dana, kemudahan akses, dan keselamatan transaksi wakaf digital. Melalui integrasi pelbagai cadangan ini, diharapkan Malaysia dapat mencapai suatu sistem wakaf digital yang lebih efisien, adil, dan amanah, sejajar dengan prinsip-prinsip undang-undang. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang wakaf digital di Malaysia. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa perlunya tindakan segera untuk merangka dasar dan undang-undang yang mampan bagi mengatasi cabaran yang dihadapi dan mampu untuk meningkatkan tadbir urus dan pengurusan wakaf digital yang efisien.

### **Penghargaan**

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penulisan dan penerbitan makalah ini.

### **Rujukan**

- Ab Rahman, A. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152.
- Abas, F. N., & Raji, F. (2018). Factors contributing to inefficient management and maintenance of Waqf properties: A literature review. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(3), 53–67. <https://doi.org/10.11113/umran2018.5n3.233>
- Abas, F., & Raji, F. (2018). Factors Contributing to Inefficient Management and Maintenance of Waqf Properties: A Literature Review. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. <https://doi.org/10.11113/UMRAN2018.5N3.233>.
- Abdul Manaf, Z. I., Syed Abdul Kader, S. Z., & Mohamad, N. A. (2019). Examining the evolution of waqf regulations in Selangor: An analysis of the governance framework and transformative approach. *IJUM Law Journal*, 27(2), 337–365. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v27i2.418>
- Abdullah, B., & Bahari, Z. (2019). Mauquf Alayh Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(26), 56-65.
- Abojeib, M., & Habib, F. (2021). Blockchain for Islamic Social Responsibility Institutions. *Research Anthology on Blockchain Technology in Business, Healthcare, Education, and Government*. <https://doi.org/10.4018/978-1-5225-7805-5.CH010>.
- Adil, M., & Rani, M. (2014). The Implementation of Land Acquisition Act 1960 and Its Negative Impact on The Development of Waqf (Endowment) Land in Malaysia. *Islam and Civilisational Renewal*, 5, 375-393. <https://doi.org/10.12816/0009868>.

- Ali, N. A., & Markom, R. (2020). The challenges in implementing cash waqf in Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(2).
- Al-Zuhayli, W. (1997). *al-Fiqh al-Islamiyy wa adillatuh*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Asharaf, M. R., Abdullah Jalil, N. H., Khairuneezam, M. N., & Siti Suriani, O. (2022). Pengurusan dana wakaf tunai bagi pembangunan ekonomi umat Islam: Pengalaman Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 5(1).
- Bakar, M. A. (2022). Kelestarian dana wakaf di Malaysia melalui tadbir urus korporat (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Bernama. (2024, April 20). Dewan Rakyat lulus RUU Perniagaan Perkhidmatan Wang Pindaan 2024. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dewan-rakyat-lulus-ruu-perniagaan-perkhidmatan-wang-pindaan-2024-464032>
- E., Sari, R., & Ardabelli, A. (2021). CrowdFunding Application For Waqf Donation. *2021 4th International Conference of Computer and Informatics Engineering (IC2IE)*, 328-333. <https://doi.org/10.1109/ic2ie53219.2021.9649066>.
- Fitriani, R. E., & Taufiq, M. (2023). Analisis pengaruh wakaf digital terhadap kesejahteraan masyarakat di Kabupaten Lima Puluah Kota. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Ekonomi Syariah (JIMESHA)*, 3(1), 67-78.
- Ghani, A. A., Shafie, R., Saleh, M. S. M., Elham, F., Kadir, M. H. A., Ismail, M. S. H., ... & Othman, Z. (2023). Isu-Isu Dalam Pengurusan dan Pelaporan Wakaf, Zakat dan Baitulmal Di Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 7(1), 41-52.
- Irwansyah, D. (2022). *Optimalisasi wakaf uang melalui layanan digital untuk pengembangan industri halal di Indonesia*. Sekolah Pascasarjana UIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Retrieved from [URI: <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle/123456789/71158>]
- Ismail, C. Z., Salim, N. J., & Hanafiah, N. J. A. (2015). Administration and management of waqf land in Malaysia: Issues and solutions. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(4), 613.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji, Jabatan Perdana Menteri (JAWHAR). (2023, April 7). *Wakaf online*. <https://www.jawhar.gov.my/wakaf/wakaf-online/>.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji, Jabatan Perdana Menteri (JAWHAR). (2023, Disember 21). *Dasar Wakaf*. <https://www.jawhar.gov.my/wakaf/dasar-wakaf/>
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji, Jabatan Perdana Menteri. (2014). *Kompilasi Hukum Dan Fatwa Berkaitan Wakaf, Zakat, Haji & Sumber Am*. <https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/kompilasi-hukum-dan-fatwa-berkaitan-wakaf-zakat-haji-dan-sumber-am/>
- Kader, S. Z. S. A. (2016). Kerangka undang-undang pengurusan wakaf di Malaysia: Ke arah keseragaman undang-undang. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 28(1), 102-127.
- Laluddin, H., Haneef, S. S. S., Haji Mohammad, M. T. S., & Rahman, M. P. (2021). Revisiting the concept of waqf: Its maintenance, issues, and challenges. *International Journal of Islamic Thought*, 20, 53. <https://doi.org/10.24035/ijit.20.2021.210>
- Mahendra, B. A. (2023). Analisis strategi pengembangan teknologi blockchain sebagai media transparansi wakaf di Badan Wakaf Indonesia. [Doctoral dissertation, Universitas Islam Sultan Agung].
- Mahmood, R. H., Mustaffha, N., Hameed, L. B. M., & Johari, N. (2017). Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. In *Proceedings of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)* (pp. 43). e-ISBN: 978-967-2122-15-9.

- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2024, January 10). *Wakaf*. Wakaf (maiwp.gov.my)
- Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2024, April 29). Digital Signature. Retrieved from <https://www.mcmc.gov.my/ms/sectors/digital-signature>
- Mat Rani, M. A., & Abdul Aziz, A. (2010). Waqf management and administration in Malaysia: Its implementation from the perspective of Islamic law. *Management & Accounting Review (MAR)*, 9(2), 1-7
- Mohamad, N. A., Syed Abdul Kader, S. Z., & Ali, Z. (2012). Waqf lands and challenges from the legal perspectives in Malaysia. In *IIUM-Toyo University Joint Symposium Sustainable Build Environment: Lessons Learned from Malaysia and Japan*, November 15, 2012, Toyo University, Tokyo, Japan. (Unpublished).
- Mohd Zaky Zainuddin. (2021, June 11). BNM wajar peruntuk lesen bank digital kepada institusi wakaf. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/826624/bnm-wajar-peruntuk-lesen-bank-digital-kepada-institusi-wakaf>
- Mudyadji, I. (2022). *Implikasi wakaf digital pada kesejahteraan masyarakat (studi kasus badan wakaf indonesia, sinergi foundation, dan badan wakaf al-qur'an)*. Sekolah Pascasarjana UIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Retrieved from [URI: <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle/123456789/65874>].
- Muhammad Ainul Hakim, Muhammad Khalil, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, & Azman Ab. Rahman. (2020). Memperkukuhkan Institusi Wakaf di Malaysia Melalui Wakaf BertemPOH. In *Proceedings of the 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020 (INPAC 2020): "Syariah and Law Approach in Solving Contemporary Issues"* (p. 183).
- Pusat Wakaf dan Endowmen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (2024, January 7). *Wakaf dan perundangan di Malaysia: Langkah-langkah dan inisiatif pembaharuan*. [https://wakaf.uthm.edu.my/images/Artikelwakaf/wakaf\\_dan\\_perundangan\\_di\\_Malaysia\\_compressed.pdf](https://wakaf.uthm.edu.my/images/Artikelwakaf/wakaf_dan_perundangan_di_Malaysia_compressed.pdf)
- Rahmawati, Mohd Yusoff, Mohammad Hidir Baharudin, Norintan Wahab, Rosnani Mohd Salleh, & Siti Mariam Atan. (2021). Isu Tanah Wakaf Terbiar dan Peranan Nazir Menurut Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Wakaf Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(35), 109-119.
- Rohayati Hussin, Asmadi Mohammed Ghazali & Noor Syahidah Mohamad Akhir (2024). Waqf land development for private tahfiz schools in the State of Perlis, Malaysia: Procedures and advantages. *UUM Journal of Legal Studies*, 15(1), 149-170. <https://doi.org/10.32890/uumjls2024.15.1.7>
- Solanki, M. (2017, October 8). Concept Of Waqf Under Muslim Law. *Lawctopus*. <https://www.lawctopus.com/academike/concept-waqf-muslim-law/>
- Varnienè-Janssen, R., & Kupriene, J. (2018). Authenticity and Provenance in Long-Term Digital Preservation: Analysis of the Scope of Content. *Informacijos mokslai*. <https://doi.org/10.15388/IM.2018.82.9>.
- Wahid, H., & Noor, M. A. M. (Eds.). (2018). *Pengurusan Zakat Di Malaysia: Isu Dan Cabaran Kontemporari*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman, Salmy Edawati Yaacob, & Mohamad Sabri Harun. (2020). Pengurusan Pembangunan Portfolio Aset Wakaf: Keterdedahan Risiko Dan Pengurusannya [The Management of Waqf Asset Portfolio Management: Exposure of Risks and Its Management]. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 5(1), 26-36. e-ISSN: 0127-788.
- Yayasan Wakaf Malaysia. (2024, January 10). *Sumbangan wakaf secara online*. <https://ywm.gov.my/wakaf-online>

**Rujukan Statut, Dasar Dan Garis Panduan**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Akta Sistem Pembayaran 2003

Akta Tandatangan Digital 1997

Dasar dan Garis Panduan ICT Sektor Awam

Rang Undang-Undang (RUU) Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024